

Headline	Manja kecewa penyudah hambar		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	407,786
Page No	79	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	160 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,909
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,728



Manja kecewa penyudah hambar

Kuala Lumpur: Pengendali UiTM Perlis Manja Man kecewa dengan kegagalan pemain memanfaatkan banyak peluang terhidang ketika aksi menentang Kolej Komuniti Kedah (KK Kedah) dalam saingan Divisyen Satu Liga Institusi Pengajian Tinggi (Liga IPT) yang berkesudahan seri tanpa jaringan, Sabtu lalu.

Bermain di gelanggang sendiri, juara bertahan itu mempunyai kesempatan untuk meraih tiga mata bagi memberi tekanan kepada skuad 'abang', UiTM Shah Alam yang kekal di tangga teratas dengan sembilan mata selepas mengatasi Universiti Malaya (UM) 3-1.

"Malangnya, penyudahan pemain hambar. Mereka juga tidak mengikut perancangan," kata Manja yang berharap pasukannya mampu bangkit apabila berdepan Politeknik Kota Bharu di tempat lawan, Sabtu ini.

Sementara itu, UKM yang bermula hambar musim 2014, turut menang selesa 3-1 ke atas Kolej Ko-



PEMAIN UiTM Shah Alam, Mohd Shammin (tengah) diasak dua pertahanan UM di Shah Alam, Sabtu lalu.

muniti Perak (KK Perak) di Ipoh.

"Mutu padang menyukarkan pergerakan pemain, tapi itu hanya halangan kecil, yang penting kami meraih tiga mata," kata pengendali UKM Sulaiman Hussin.

Universiti Multimedia (MMU) pula mengekalkan rekod bersih apabila melakar kemenangan keempat berturut-turut dengan

menjadikan Kolej Komuniti Pulau Pinang mangsa amukan apabila menang 7-0 di padang kampus induk Cyberjaya untuk kekal di tangga teratas Divisyen Dua.

Pengendali MMU Mohd Faizal Md So'od mengangap kemenangan besar ke atas KK Pulau Pinang menandakan pasukannya berada di landasan tepat untuk kembali ke Divisyen Satu, musim depan.